

Headline	Kumpul wang hasil jual sayur		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	10	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	196 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,610
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,830



'Kumpul wang hasil jual sayur'

Kuala Terengganu: Jemaah haji, Wan Temela Wan Seman, 76, puas hati kerana dapat menggunakan wang hasil titik peluhnya menjual sayur yang dikumpulnya sejak 26 tahun lalu, untuk mengerjakan ibadat haji tahun ini.

Beliau menggunakan tabung buluh bagi menyimpan wang hasil jualan sayur-sayuran dan lebihan wang belanja pemberian suaminya sejak berusia 28 tahun.

"Mak cik sentiasa berdoa supaya impian untuk menunaikan haji menggunakan wang hasil titik peluh dimakbulkan dan paling gembira apabila terpilih ke Tanah Suci melalui penerbangan terus daripada Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) ke Madinah," katanya ketika ditemui di Kompleks Tabung Haji negeri, di sini, semalam.

Simpan duit setiap hari

Wan Temela berkata, setiap hari dia akan memasukkan duit hasil jualan sayur-sayuran termasuk yang ditanam di belakang rumahnya dan lebihan duit belanja dapur pem-

berian suaminya.

Beliau yang berasal dari Bachok, Kelantan, antara 279 jemaah haji Pantai Timur yang terpilih menunaikan haji melalui penerbangan terus daripada LTSM ke Madinah.

Kerajaan negeri melalui Tabung Haji menyediakan lima penerbangan daripada LTSM ke Madinah dan Jeddah.

Empat lagi penerbangan terus yang membawa 279 bakal jemaah haji bagi setiap penerbangan dijangka berlepas Isnin hingga Khamis depan.

Sementara itu, Pengarah Operasi Tabung Haji negeri, Azillah Itam, berkata 1,395 bakal jemaah haji dari Kelantan, Pahang dan Terengganu terpilih menunaikan haji melalui lima penerbangan terus tahun ini.

"Penerbangan pertama daripada LTSM ke Madinah membawa 133 jemaah lelaki dan 146 perempuan, manakala empat lagi penerbangan yang membawa 279 jemaah pada setiap penerbangan mulai Isnin depan akan mendarat di Jeddah," katanya.

Headline	Kumpul wang hasil jual sayur		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	10	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	196 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,610
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,830



Seorang **petugas Tabung Haji** menyerahkan kad rawatan **perubatan** kepada Wan Temela (berkerusi roda) di LTSM, Kuala Terengganu, semalam. [FOTO BAHAROM BAKAR/BH]